

Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment

Methyl Salicylate 55% w/v, Camphor 14.5% w/v, Menthol 9.5% w/v

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment?
2. Bagaimanakah Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment berfungsi?
3. Sebelum mengambil Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment
4. Cara menggunakan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment
5. Semasa menggunakan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment?

Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment digunakan secara topikal untuk melegakan sakit otot, sakit reumatik, dan terseliuh.

Bagaimanakah Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment berfungsi?

Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment mengandungi Methyl Salicylate, Menthol dan Camphor. Methyl Salicylate ialah derivatif asid salisilik. Salicylate menghalang cyclooxygenase dan oleh itu menghalang pembentukan prostaglandins. Methyl Salicylate digunakan secara topical sebagai pembalasan kerengsaan. Apabila diaplikasikan, ia akan diserap melalui kulit dan ianya diaplikasikan untuk melegakan sakit otot, sakit reumatik dan sakit urat. Camphor merupakan perangsang. Camphor mempunyai sifat 'rubefacient' di mana apabila disapu

boleh menyebabkan kemerahan kulit hasil daripada kesan pengembangan kapilari darah dan peningkatan peredaran darah. Camphor juga mempunyai sifat anti-pruritik untuk menahan kegatalan. Camphor juga mempunyai sedikit kesan antiseptik dan apabila digabungkan dengan ramuan yang lain seperti menthol dan methyl salicylate, ia menjadi sesuai untuk keadaan neuralgia dan tempat sakit yang lain. Menthol mengembungkan salur darah dan menyebabkan kesan penyejukan, diikuti dengan kesan analgesik. Mentol juga berfungsi untuk menambahkan penembusan ubat bila diaplikasikan pada kulit dan mempercepatkan tindakan permulaan.

Sebelum mengambil Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment.

Produk ini hanya untuk kegunaan eksternal dan tidak boleh dimakan.

Kanak-kanak kurang daripada 2 tahun tidak boleh guna ubat ini. Perhatian harus diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas bila menggunakannya.

Tidak boleh disapu pada bahagian mata dan permukaan mukosa. Jangan sapu pada luka terbuka atau kulit yang rosak.

Elakkan penggunaan yang berlebihan semasa mengandung dan penyusuan.

Jangan sapu secara meluas pada permukaan badan atau membalut atau diguna bersama 'heating pad'.

Ia adalah merbahaya untuk meletakkan bahan mengandungi camphor ke dalam lubang hidung kanak-kanak. Jika diletakkan, walaupun jumlah yang

kecil, mampu menyebabkan pengesan dengan serta-merta..

Cara menggunakan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment.

Sapu pada bahagian berkenaan 2 hingga 3 kali sehari. Jangan membalut dengan ketat. Pada mulanya, sapu sedikit pada kawasan kulit yang terhad dan perhatikan untuk sebarang ketidakselesaan atau kegatalan sebelum menyapu ke atas bahagian kulit yang lebih luas. Berhenti menggunakan jika terdapat iritasi.

Semasa menggunakan Hai-O Qian Li Zhui Feng You Liniment.

Elakkan daripada terkena mata dan permukaan mucus. Jika terkena, jirus dengan air selama 15 minit. Elakkan daripada mengguna pada bahagian kulit yang pecah atau rosak. Berhenti mengguna jika terdapat iritasi. Penggunaan Hai-O Zhui Feng You Liniment secara selamat semasa kehamilan dan penyusuan masih belum dikaji.

Kesan-kesan Sampingan

Mampu menyebabkan iritasi pada kulit.

Sila merujuk kepada doctor/ahli farmasi jika symptom berterusan/bertambah teruk.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects /AEFI).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Hai-O Qian Li Zhui Feng You
Liniment**

Simpan bawah 30 °C. Lindungi
daripada cahaya dan kelembapan
Jauhkan daripada kanak-kanak

Melupuskan bekas kosong selepas
habis digunakan

Maklumat Lanjut

Cecair berwarna merah dan berbau
ciri yang diisi dalam botol kaca dan
penutup plastik,

Bahan Aktif:
Methyl Salicylate, Camphor dan
Menthol
Bahan Eksipien :
Red Color (D&C 17), Cajuput Oil,
Eucalyptus Oil

MALxxxxxxxx

Pengilang:

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
No.24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru, Johor.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Hai- O Enterprise Berhad

Wisma Hai-O, Lot 11995,
Batu 2, Jalan Kapar,
41400 Klang , Selangor.

Tarikh Kemaskini RiMUP
06/03/2018

Nombor Siri

NPRA (Rx/x)xxxxxx/xxxxx